

PENGEMBARA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) DARI SUMBER ORANG RAMAI

Laila Nabilah Binti Rosli

Dr. Noor Hasrina Binti Bakar

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Terdapat beberapa fungsi utama dalam menghasilkan sistem Pengembaraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari Sumber Orang Ramai. Antaranya adalah pengunjung sistem Pengembaraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini dapat merangka perjalanan dan perbelanjaan dengan berpandukan pengalaman dari mereka yang telah pergi terlebih dahulu ke sesebuah destinasi tersebut. Seterusnya, pengunjung sistem Pengembaraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga dapat berkongsi tentang pengalaman percutian mereka sebelum ini. Sistem Pengembaraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini dapat mengkaji masalah yang di alami oleh warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam membuat keputusan tentang percutian mereka. Sistem Pengembaraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari Sumber Orang Ramai ini dibangunkan menggunakan kaedah Agile. Perisian dan perkakasan yang digunakan dalam pembangunan sistem Pengembaraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari Sumber Orang Ramai ini ialah Sublime Text3,XAMPP, PhpMyAdmin,Google Chrome,Adobe Photoshop,komputer dan komputer riba. Hasil daripada pembangunan sistem Pengembaraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari Sumber Orang Ramai, warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dapat merangka perbelanjaan dan perjalanan percutian mereka dengan lebih teliti. Konklusinya, diharap sistem Pengembaraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari Sumber Orang Ramai dapat dibangunkan bagi memudahkan warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta orang awam untuk merangka serta merancang perbelanjaan dan tentatif percutian mereka dengan merujuk pengalaman mereka yang sudah pernah pergi ke sesebuah destinasi tersebut. Dengan wujudnya sistem Pengembaraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari Sumber Orang Ramai ini, mereka juga boleh mencari barang keperluan semasa bercuti dengan mudah.

1 PENGENALAN

Masih wujud segelintir rakyat Malaysia yang takut untuk melancong kerana tidak berani melihat dunia luar disebabkan tidak tahu bagaimana ingin merancang percutian mereka, mereka menganggap merancang percutian ini menyusahkan dan segelintir rakyat Malaysia ini terlalu selesa dengan tempat tinggal mereka sekarang sehingga mereka tidak mahu meneroka flora dan fauna serta khazanah dunia yang tersergam indah.

Sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai adalah satu sistem yang dibangunkan khas untuk seluruh warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ianya merupakan sistem terbuka, sistem tersebut hanya akan menerima maklumat tentang perjalanan, perbelanjaan dan segala petua tentang pelancongan daripada warga UKM sahaja. Walau bagaimanapun, maklumat yang diberikan oleh warga UKM akan ditapis terlebih dahulu sebelum dipaparkan di dalam sistem tersebut.

Oleh itu, projek ini bercadang untuk memberi kemudahan kepada warga UKM agar dapat merancang perjalanan serta perbelanjaan percutian dengan lebih teliti.

2 PERNYATAAN MASALAH

Pada era globalisasi kini, masih wujud segelintir rakyat Malaysia yang takut untuk melancong kerana tidak berani melihat dunia luar disebabkan tidak tahu bagaimana ingin merancang percutian mereka, mereka menganggap merancang percutian ini menyusahkan dan segelintir rakyat Malaysia ini terlalu selesa dengan tempat tinggal mereka sekarang sehingga mereka tidak mahu meneroka flora dan fauna serta khazanah dunia yang tersergam indah. Tambahan pula, masyarakat kini tidak menyukai perkara yang meremehkan seperti merancang jadual perjalanan semasa percutian mereka serta membuat kira-kira tentang bajet percutian mereka. Ini adalah salah satu sebab masyarakat kini tidak gemar untuk pergi bercuti atau menjelajah dunia luar.

Selain daripada itu, terdapat masyarakat Malaysia yang takut untuk melancong mengikut pakej sedangkan bercuti mengikut pakej agensi perlancongan lebih memudahkan kerana khuatir agensi perlancongan itu menipu mereka. Perkara ini tidak dapat dinafikan, terdapat sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab menyamar menjadi sebuah agensi perlancongan dan mengambil kesempatan untuk menipu mereka yang ingin mencuba merancang percutian mereka buat pertama kali serta menawarkan kepada pelanggan dengan pakej harga yang paling murah.

Akhir sekali, jika ingin bercuti penyediaan yang rapi perlu dilakukan seperti alat keperluan asas semasa bercuti adalah amat penting. Ini kerana terdapat peralatan penting yang perlu kita guna sekiranya berlaku sebarang kecemasan seperti peti batuan kecemasan jika berlaku sebarang kecederaan, lampu suluh jika terputus bekalan elektrik dan sebagainya. Terdapat segelintir rakyat Malaysia yang tidak tahu dimanakah mereka harus mendapatkan peralatan penting ini.

3 OBJEKTIF KAJIAN


Terdapat dua objektif utama dalam kajian ini :

- i. Mengkaji masalah yang di alami oleh warga UKM serta orang awam dalam membuat keputusan tentang percutian mereka.
- ii. Membangunkan sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai untuk kegunaan warga UKM.

4 METOD KAJIAN

Sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai ini dibangunkan menggunakan kaedah Agile. Agile adalah metodologi pembangunan perisian ringkas yang diwujudkan sebagai tanda tindak balas kepada kegagalan kaedah pengurusan tradisional. Agile dilakukan menggunakan perancangan penyesuaian, pembangunan evolusi, penghantaran awal, penambahbaikan yang berterusan dan ia menggalakkan tindak balas yang pantas dan fleksibel untuk berubah. Terdapat dua belas Manifesto Agile yang mentakrif nilai-nilai Agile dan beberapa rangka kerja menggunakan prinsip-prinsip Agile.

Dua belas Manifesto Agile adalah kepuasan pelanggan dengan penghantaran awal perisian secara terus, menerima keperluan perubahan, walaupun sudah lewat dalam pembangunan, perisian kerja sering dihantar mengikut minggu berbanding bulan, kerjasama yang utuh di antara pembangun laman web dan orang koprat (berniaga), projek harus dibangunkan di sekitar individu yang bermotivasi dan juga di sekitar manusia yang boleh dipercayai. perbualan bersemuka adalah bentuk komunikasi terbaik, kerja-kerja perisian adalah ukuran utama proses pembangunan laman web, pembangunan mampu mampu mengekalkan kadar yang berterusan, perhatian berterusan terhadap kecemerlangan teknikal dan reka bentuk yang baik, kesederhanaan dalam seni serta memaksimumkan jumlah kerja yang tidak dilakukan adalah penting, reka bentuk terbaik, serta keperluan pembangunan laman web akan wujud dari pasukan pembangunan itu sendiri dan akhir sekali kerja secara teratur mencerminkan bagaimana pasukan pembangunan dapat menjadikan laman web tersebut lebih berguna.



Rajah 1.1 Kitaran Pembangunan Metodologi Agile

Sumber : <http://searchsoftwarequality.techtarget.com/definition/agile-software-development>

Tarikh diambil : 27 September 2017

4.1 Fasa Perancangan

Fasa perancangan adalah dimana fasa merancang seperti tempoh masa sesuatu skop atau modul itu diperlukan. Pembahagian tugas juga akan dilakukan di dalam fasa ini. Fasa ini amat penting bagi memastikan segala skop kerja terlaksana mengikut tempoh waktu yang ditetapkan. Perancang skop kerja dapat dilakukan dengan menggunakan carta Gantt yang dimana akan diletakkan secara terperinci tempoh masa dan skop kerja.

4.2 Fasa Analisis

Fasa analisis ada fasa pengumpulan keperluan pengguna, data pengguna dan permasalahan pengguna. Perkara penting seperti skop kerja, objektif serta metodologi mana yang ingin digunakan juga perlu dikenal pasti. Setelah fasa analisis dijalankan, pengguna tidak boleh mengubah sebarang keperluan tambahan lain. Jika perubahan skop kerja kerap berlaku, ia akan menjelaskan pembangunan sistem tersebut dan tempoh pembangunan akan menjadi lebih panjang dari jadual yang telah ditetapkan.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Fasa reka bentuk adalah fasa gambaran awal sistem yang bakal dibangunkan. Reka bentuk sistem perlu mengikut keperluan pengguna yang telah ditetapkan. Terdapat dua jenis keperluan iaitu keperluan fungsian dan keperluan bukan fungsian yang perlu diambil kira semasa melakukan reka bentuk sistem. Rajah kelas, rajah jujukan dan reka bentuk antara muka akan terhasil pada fasa ini bagi memudahkan proses pembangunan sistem.

4.4 Fasa Pembangunan

Fasa pembangunan ialah fasa dimana maklumat yang diperoleh semasa fasa analisis dan reka bentuk dilaksanakan. Pembangunan sistem harus berpandukan keperluan pengguna yang telah ditetapkan pada fasa sebelum ini. Pembangunan sistem adalah berdasarkan laman web yang menggunakan platform *SublimeText3* dan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP.


4.5 Fasa Pengujian

Fasa pengujian adalah fasa yang perlu dijalankan dalam setiap pembangunan sistem. Tujuan utama fasa pengujian diakukan adalah bagi memastikan sistem yang dibangunkan berkualiti serta memenuhi kehendak pengguna. Fasa pengujian yang dilakukan kepada sistem dapat mengesan setiap fungsi yang dimahukan oleh pengguna berfungsi dengan baik serta ralat yang terdapat di dalam sistem dapat dikenal pasti. Selain itu, fasa pengujian ini dapat memperbaiki kualiti sistem serta dapat meningkatkan tahap kebolehgunaan pengguna.

5 HASIL KAJIAN

Hasil kajian adalah bertujuan membincangkan hasil daripada proses pembangunan sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai. Penerangan secara keseluruhan tentang reka bentuk dan pembangunan sistem yang telah dihasilkan akan diperihalkan,


Gambar Rajah Kes Guna adalah ilustrasi grafik yang digunakan untuk menggambarkan interaksi antara admin, pelawat, pemberi maklumat dan sistem. Rajah kes guna sesuai digunakan untuk mengenalpasti fungsi-fungsi yang terdapat di dalam Sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai.



Rajah 1.2 Rajah Kes Guna Sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai

Reka bentuk antara muka sistem sangat penting kerana ia merupakan paparan yang menghubungkan pengguna dengan modul atur cara program untuk melaksanakan setiap operasi yang telah disediakan. Antara muka yang ringkas, mudah digunakan dan mesra pengguna amat penting terutama bagi pengguna yang kurang mahir.

Pelawat perlu mendaftar masuk akaun terlebih dahulu sebelum melakukan proses log masuk.



Rajah 1.3 Antara Muka Daftar Masuk sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai.

Pengguna sistem ini perlu log masuk terlebih dahulu sebelum memulakan proses yang lain.



Rajah 1.4 Antara Muka Log Masuk sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai.


Admin akan menyemak terlebih dahulu tentang pengalaman yang telah dikongsikan oleh pelawat sebelum dikongsi bersama pelawat lain kerana khuatir jika terdapat isu sensitif.

List User Experience

No	Category	Country You Visit	Your experience	Insert your image
	Travel			
1	Solo Travel	Mynmar	Looking for an outdoorsy way to reach the banks of Inle Lake or a rugged new rock formation to edge? The "Golden Land" has it all. From the northernmost village of Putao to the southernmost reaches of the Mergui Archipelago, here's Myanmar's ultimate adventure guide for the ultimately adventurous tr	
2	Family Travel	Hong Kong	Evening sightseeing cruise on Hong Kong's Victoria Harbour and dinner aboard the Jumbo Floating Restaurant at Aberdeen Watch Hong Kong light up during your 4.5-hour cruise aboard a traditional Chinese sightseeing boat. Enjoy unlimited drinks served from the open bar during your cruise	

Rajah 1.5 Antara Mukasemak Pengalaman Percutian sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai.

Pengguna sistem ini boleh membaca tentang berita percutian terkini dari seluruh negara. Ia terpulang kepada pengguna samada mahu membaca satu per satu berita atau membaca sekali semua berita secara terus.



Rajah 1.6 Antara Muka Papar Berita Percutian sistem Pengembala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai.

Pengguna sistem ini boleh membaca tentang pengalaman percutian yang telah dikongsikan oleh pengguna lain di dalam sistem ini. Pengalaman itu boleh dijadikan sebagai rujukan sebelum mereka merangka jadual percutian mereka.

User Experience

Country	Travel Experience
New Zealand	Show travel experience for this country

New Zealand



Solo Travel

The culture of New Zealand is essentially a Western culture influenced by the unique environment and geographic isolation of the islands, and the cultural input of the indigenous Māori and the various waves of multi-ethnic migration which followed the British colonisation of New Zealand. Polynesian explorers reached the islands between 1250 and 1300 CE. Over the ensuing centuries of Polynesian expansion and settlement, Māori culture developed from its Polynesian roots. Māori established separate tribes, built fortified villages (Pā), hunted and fished, traded commodities, developed agriculture, arts and weaponry, and kept a detailed oral history. Regular European contact began from 1800, and British immigration proceeded rapidly, especially from 1855. Colonists had a dramatic effect on the Māori, bringing Christianity, advanced technology, the English language, numeracy and literacy. In 1840 Māori chiefs signed the Treaty of Waitangi, intended to enable the tribes to live peacefully with the colonists. However, after several incidents, the New Zealand wars broke out from 1845, with Māori suffering a loss of land, partly through confiscation, but mainly through widespread and extensive land sales. Māori retained their identity, mostly choosing to live separately from settlers and continuing to speak and write te reo Māori. With mass migration from Britain, a high Māori death rate and low life expectancy for Māori women, the indigenous population figure dropped between 1850 and 1930, becoming a minority.

Rajah 1.7 Antara Muka Papar Pengalaman Percutian sistem Pengembara Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai.

Pelawat boleh mengisi pengalaman percutian mereka jika mereka mahu berkongsi pengalaman utnuk dipaparkan ke dalam sistem ini.



A photograph of the Seattle skyline at night, featuring the Space Needle and various illuminated buildings. A large watermark reading "Copyright @ FTSM" is diagonally across the image.

Share your experience here !

No	Category Travel	Country You Visit	Your experience	Insert your image
1	Choose Category	Choose Country	Share your experience here	Choose File No file chosen Upload .jpeg / .png / .tiff file extensions only

Back Submit Cancel

Rajah 1.8Antara Muka Isi Pengalaman Percutian sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai.

Pelawat boleh mengisi borang maklumat percutian ini jika mahu merangka percutian mereka serta bajet perbelanjaan yang mereka peruntukkan semasa bercuti. Pelawat juga boleh merangka jadual harian semasa bercuti mereka.

The form consists of three main sections:

- Holiday Info:**
 - Name: cammy
 - Email: kamili@gmail.com
 - How Many Days You Travel: [empty input]
 - Date You Are Travelling: mm/dd/yyyy
 - Date Return Back Home: mm/dd/yyyy
 - Country You Visit: Choose Country
 - List Place That You Want To Visit: [empty input]
 - City you Visit: instababy
- How Much Your Want To Spend During This Travelling (RM):**
 - 0 - 500
 - 500 - 1000
 - 1000 - 5000
 - 5000 - 10,000
 - more than 10,000
 - Other: [empty input]
- How Many People During This Travelling:**
 - [empty input]
- Your Hotel Address:**
 - Street Line 1: [empty input]
 - Street Line 2: [empty input]
 - City: [empty input]
 - Postcode: [empty input]
 - State: [empty input]
 - Choose Country: [empty input]
- What Is Your Transport During This Travelling:**
 - Car
 - Bus
 - Train

Buttons at the bottom: **Submit All Form** and **Reset**.

Rajah 1.9 Antara Muka Isi Maklumat Percutian sistem Pengembara Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai.

Jadual 1.15 Perbandingan Sistem

Ciri-ciri Perbandingan	<i>TripIT</i>	<i>TripCase</i>	Sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai.
Management Information System (MIS)	/	/	/
Mesra pengguna	-	/	/
Menyimpan data pelan perancangan percutian serta nilai perbelanjaan percutian	-	-	/
Menyediakan laporan perancangan percutian	/	/	/

Jadual di atas merupakan perbandingan sistem yang dilakukan dalam kajian ini. Sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai dibangunkan mengikut ciri-ciri yang tertera pada jadual diatas.

6 KESIMPULAN

Sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai adalah sistem yang membolehkan pengunjung merangka perjalanan dan perbelanjaan dengan lebih tepat dengan berpandukan pengalaman dari mereka yang telah pergi terlebih dahulu ke sesebuah destinasi tersebut.

Seterusnya, pengunjung sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai juga dapat berkongsi tentang pengalaman percutian mereka sebelum ini dan dengan menggunakan sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai ini dapat warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dapat membuat keputusan dengan lebih mudah berdasarkan pengalaman pelancong terdahulu tentang percutian mereka.

Akhir sekali, sistem Pengembara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dari Sumber Orang Ramai mempunyai kekurang ia sendiri, iaitu sistem ini tidak mampu menampung sesetengah gambar yang dimana *file name extension* tidak dapat di muat naik ke sistem kerana saiz terlalu besar atau terlalu kecil.

7 RUJUKAN

Kiersten. (n.d.). The Blonde Abroad • Solo Female Travel & Lifestyle Blog. <http://theblondeabroad.com/> [2 October 2017].

Nadine Sykora. (n.d.). Hey Nadine - A blog of travel videos and vlogs. <http://www.heynadine.com/> [2 October 2017].

Travel Books and Guides. (n.d.). <https://www.nomadicmatt.com/books/> [2 October 2017].

Travelog: Asia's Insider Travel Magazine. (n.d.). <http://www.travelog.me/> [2 October 2017].

Amran Hamzah (2004). The Evolution Of The Homestay Programme In Malaysia : Performance, Sustainability And Challenges. Country Paper presented of the ASEAN Homestay Conferences.Organise by the Ministry of Tourism Malaysia, The Marriott Hotel, Putrajaya 28-30 September 2004.

Davison, G.W.H. & Regis, P. 1999, Pelan ekopelancongan kebangsaan Malaysia : Garis panduan untuk negeri Sabah : (The Malaysian National Ecotourism Plan : guidelines for Sabah). Kementerian Pembangunan Pelancongan. Kota Kinabalu

Department of Economic and Social Affairs (1999), Tourism And Sustainable Development-Sustainable Tourism: A Non-Governmental Organization Perspective. Commission on Sustainable Development Seventh Session 19-30 April 1999, New York.

Dudley, N & Phillips, 2006. A Forests and Protected Areas: Guidance on the use of the IUCN protected area management categories. IUCN Publications Services Unit

Elvi Susanti Drs.Lahmuddin Yusuf (1999), Konsep Usaha Sama Dalam Perancangan dan Pengurusan Program Pelancongan Homestay di Banghuris. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.

Inskeep, E. 1991. Perancangan Pelancongan (Tourism Planning). Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur. Di terjemahkan oleh CheElaine Che Hassan & Norlida Halim

Selin S. (1999), Developing a Typology of Sustainable Tourism Partnerships, Journal Of Sustainable Tourism, Vol. 7, Nos 3 & 4: 260-273.